

13/11/1999

Shahidan anggap Harun Din riak

Fazli Arman

ARAU, Jumaat - Datuk Dr Harun Din dinasihat supaya tidak mencanang keinginannya bertanding di mana juga kawasan pada pilihan raya umum kali ke-10 ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata dalam sebuah negara demokrasi, ahli Pas itu boleh bertanding menentang sesiapa saja, termasuk di Kubang Pasu atau Tambun Tulang.

Bagaimanapun, katanya, Dr Harun tidak perlu selalu menghebahkan hasratnya itu untuk mencabar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, atau dirinya.

"Kalau selalu sangat cakap kita hendak lawan orang itu dan orang ini, itu sudah jadi riak dan takbur. Walaupun ramai yang menyokong kita, jangan ingat diri kita sudah hebat sangat.

"Kalau dia nak lawan saya, silakan ... kerana jika Allah menjanjikan kemenangan atau kekalahan kepada seseorang, tiada siapa yang boleh menghalang," katanya.

Rabu lalu, ketika ditemui pemberita di Pulau Pinang, Dr Harun berkata, beliau berkemungkinan menentang Dr Mahathir pada pilihan raya kali ini dan bersedia mencabar Shahidan.

Beliau sebelum ini pernah beberapa kali menyuarakan hasrat itu, termasuk secara berseloroh menyatakan Shahidan terlalu kecil untuk dicabar, sebaliknya mahukan perlawanan lebih hebat.

Shahidan berkata, jika Dr Harun menentang Dr Mahathir atau beliau, terserah kepada rakyat membuat penilaian terhadap sumbangan yang sudah dan mampu diberi oleh Pas berbanding Barisan Nasional (BN).

Mengenai hasrat Pas meletakkan ulama dan ahli profesional sebagai calon pilihan raya di Perlis, Shahidan berkata apa gunanya kelebihan mereka itu sekiranya sentiasa mencaci dan memaki hamun.

"Sejauh mana sebuah negara itu boleh aman dan bertahan jika ia didirikan oleh kumpulan yang selama ini sering memaki hamun dan sanggup melakukan apa saja untuk mencapai kemenangan," katanya.

Ditanya mengenai matlamat Pas untuk menawan Perlis selain Kedah, Kelantan dan Terengganu, Shahidan berkata, kini sudah tiba masanya untuk memerangi pihak itu.

"Kalau mereka ada matlamat itu, kita pun ada matlamat sendiri iaitu menyambung kesinambungan pemerintahan BN untuk memastikan rakyat dan negara ini terus makmur," katanya.

(END)